



Kawalan Keselamatan Fizikal



Pintu masuk ke kawasan kritikal atau sensitif hendaklah dilengkapi dengan kawalan kunci elektronik yang boleh merakamkan identiti, tarikh dan masa pergerakan memasuki kawasan itu.



Pelawat atau orang luar tidak dibenarkan masuk ke kawasan kritikal atau sensitif tanpa ditemani oleh kakitangan yang dibenarkan. Maklumat keluar masuk pelawat mesti dirakamkan dalam buku catitan pelawat ditempat berkenaan, khususnya di Pusat Data.



Semua kakitangan dan pelawat dikehendaki mempamerkan pas identiti mereka pada setiap masa.